

## **OPS GEMPUR BERSEPADU BIL 3/2022 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA**

24 Mac 2022, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka (JASNM) telah selesai menjalankan Ops Gempur Bil 3/2022 ke atas premis-premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) pada 23 Mac 2022.

Operasi bersepadu dengan kerjasama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) ini melibatkan seramai 18 anggota penguatkuasa dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dan 8 anggota penguatkuasa dari MBMB.

Sebanyak 7 premis telah diperiksa yang membawa kepada 7 Arahan di Lapangan, 1 Kompaun, dan 4 Notis Arahan telah diambil tindakan oleh JASNM.

Hasil daripada operasi ini juga, 1 Notis dan 1 kompaun di bawah Seksyen 46(1)(d) Akta 133 Jalan, Parit dan Bangunan 1974 telah dikeluarkan oleh MBMB.

Orang awam diminta untuk menyalurkan aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka